



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM MESYUARAT MENTERI-MENTERI TENAGA ASEAN KE-42 DAN MESYUARAT- MESYUARAT BERKAITAN, VIENTIANE, LAO PDR PADA 26 HINGGA 27 SEPTEMBER 2024

PUTRAJAYA, 24 SEPTEMBER 2024 – Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) ke-42 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan di Vientiane, Lao PDR pada 26 hingga 27 September 2024. Mesyuarat ini bakal dihadiri oleh Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan dipengerusikan oleh Lao PDR. Perbincangan akan memberi fokus kepada dasar dan hala tuju, pembangunan infrastruktur, pelaksanaan program dan aktiviti, perkongsian maklumat dan teknologi serta kepakaran dalam bidang tenaga di kalangan negara anggota ASEAN.

Kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri membuktikan komitmen dan sokongan negara dalam menjayakan agenda ASEAN dan sebagai persediaan ke arah Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025. Selaku Timbalan Pengerusi Mesyuarat AMEM ke-42, YAB Timbalan Perdana Menteri akan mengetengahkan pendirian negara

dalam pelbagai isu di bawah bidang tenaga. Antaranya, inisiatif ASEAN Power Grid (APG) sebagai agenda utama sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025 bagi memacu peralihan tenaga negara dan ASEAN, agenda pembangunan tenaga yang inklusif dan saksama serta aspirasi negara ke arah pembebasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih, khususnya Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR), Pelan Hala Tuju Ekonomi Hidrogen (HETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP).

Mesyuarat AMEM merupakan satu landasan strategik bagi mengumpulkan semua pemegang taruh dan pihak berkaitan dengan industri tenaga di rantau ASEAN termasuk rakan-rakan dialog dan organisasi tenaga antarabangsa untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan sektor tenaga secara holistik di rantau ASEAN. Perkongsian dan libat urus mengenai inisiatif-inisiatif progresif oleh Malaysia ini mampu memberikan gambaran positif mengenai komitmen dan potensi pelaburan hijau negara kepada para pelabur dari rantau Asia Tenggara.

Selain itu, YAB Timbalan Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dua hala dan pelbagai hala dengan Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan negara rakan-rakan dialog serta ketua-ketua organisasi antarabangsa tenaga. Peluang ini akan dimanfaatkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk mempromosikan negara sebagai destinasi pelaburan serta membuka peluang kepada pelbagai pihak untuk mendapatkan penjelasan berhubung dasar-dasar negara khususnya

dalam membangunkan sektor tenaga dan teknologi rendah karbon yang menyokong aspirasi peralihan tenaga negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
24 September 2024